

13 OCT 1996

Isa-Program

PROGRAM PROMOSI DI PUSAT MEMBELI BELAH PERLU SEIMBANG

SEREMBAN, 13 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata program promosi yang dianjurkan di kompleks membeli-belah di negeri ini perlu seimbang agar tidak terlalu tertumpu kepada hiburan semata-mata.

Katanya para pemilik tidak seharusnya mementingkan soal menarik lebih banyak pengunjung sahaja tetapi melupakan tanggungjawab sosial dalam mendidik masyarakat.

"Banyak aktiviti yang dapat meningkatkan pengetahuan boleh dianjurkan di kompleks membeli-belah selain yang berbentuk hiburan," katanya pada perasmian kompleks membeli-belah Seremban Centre point di Jalan Datuk Siamang Gagap di sini hari ini.

Menteri Besar berkata kompleks membeli-belah merupakan tumpuan utama golongan muda dan melalui program berbentuk ilmu pengetahuan akan dapat mengelakkan gejala sosial yang tidak diingini.

Kompleks Seremban Centre Point yang bernilai RM126 juta dibangunkan oleh Syarikat Prestara Management Sdn Bhd, mula beroperasi sejak akhir tahun lepas dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk orang ramai termasuk tempat meletak kereta.

Mohamed Isa juga berkata Negeri Sembilan akan terus membangunkan tanah simpanan Melayu di negeri ini bagi memastikan ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Tanah simpanan Melayu di negeri ini dianggarkan seluas 108,000 hektar dan sebahagian besarnya berpotensi untuk dibangunkan dengan pelbagai projek pembangunan.

Beliau mengulas ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengulung perbahasan pada akhir Perhimpunan Agung Umno semalam yang antara lain menyentuh soal tanah simpanan Melayu. BERNAMA

RAB RON